

**Pengaruh Muhammad ‘Abduh Terhadap Kemunculan  
Fundamentalis-Reformis Kaum Muda di Tanah Melayu  
(1900–1930)**

***The Influence of Muhammad ‘Abduh Towards the Emergence  
of Fundamentalist-Reformist of Kaum Muda in Tanah Melayu  
(1900–1930)***

ADIBAH YASMIN ALIAS<sup>1</sup>

\*MOHD IRWAN SYAZLI SAIDIN<sup>1,2</sup>

JAMAIE HAJI HAMIL<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Institute for Middle Eastern and Islamic Studies, School of Government and International Affairs, Durham University, DH1 3TU, Durham, United Kingdom

\*Corresponding author: irwansyazli@ukm.edu.my

**Published online:** 31 October 2023

**To cite this article:** Adibah Yasmin Alias, Mohd Irwan Syazli Saidin and Jamaie Haji Hamil. 2023. Pengaruh Muhammad ‘Abduh terhadap kemunculan fundamentalis-reformis Kaum Muda di Tanah Melayu (1900–1930). *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 30(2): 119–141. <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.2.7>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.2.7>

**Abstract.** *The emergence of Kaum Muda in Malaya around 1900s was seen as successfully filling the intellectual vacuum by bringing awareness to the Malay community. Malay community that was colonised by the British was seen to be in a backward situation in terms of education and economy, and even from religious understanding. In addition, they were also trapped in the practise of taqlid and elements of bid’ah. Based on the concept of fundamentalism and through qualitative analysis, this study analyses the relationship between fundamentalist-reformist and Muhammad ‘Abduh’s influence on Kaum Muda’s thoughts. The activism of Kaum Muda can be associated with fundamentalist-reformist terminology based on the characteristics presented in Islamic fundamentalism. From religious understanding, Kaum Muda has the characteristics of being fundamentalists, which is the urge of returning to Quran and Sunnah. In fact, there is no denying that the thought of Kaum Muda was also influenced by Muhammad ‘Abduh based on writings*

*published in al-Imam and al-Ikhwān. In conclusion, Kaum Muda can be associated as fundamentalist-reformist and was influenced by Muhammad 'Abduh reformism thoughts, especially on the issues of education, women and social revolving the Malays.*

**Keywords and phrases:** *fundamentalist, reformist, Kaum Muda, Muhammad 'Abduh, Islamic revivalism*

**Abstrak.** Kemunculan Kaum Muda di Tanah Melayu sekitar tahun 1900-an dilihat berjaya mengisi ruang vakum intelektual dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu. Keadaan masyarakat Melayu yang dijajah oleh British dilihat berada dalam situasi mundur bukan sahaja dari segi pendidikan dan ekonomi malah juga dari sudut kefahaman agama, iaitu terperangkap dalam amalan bertaklid dan unsur bidaah. Keadaan ini telah mendorong Kaum Muda bangkit memberi kesedaran kepada orang Melayu. Bertunjangkan konsep fundamentalisme, kajian ini membahaskan perkaitan antara fundamentalis-reformis dengan pengaruh Muhammad 'Abduh terhadap pemikiran Kaum Muda. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif menerusi sumber sekunder dan dianalisis secara deskriptif dengan melihat dari sudut historiografi. Hasil kajian ini menunjukkan aktivisme Kaum Muda boleh dikaitkan dengan terminologi fundamentalis-reformis berdasarkan ciri-ciri yang dikemukakan dalam fundamentalisme Islam. Dari sudut kefahaman agama, Kaum Muda mempunyai ciri-ciri sebagai fundamentalis iaitu melalui prinsip bahawa agama perlu kembali kepada al-Quran dan sunah. Namun demikian, dari sudut pemikiran, Kaum Muda mempunyai ciri-ciri reformisme dalam isu pendidikan, isu wanita dan kemunduran masyarakat Melayu. Malah, tidak dinafikan bahawa pemikiran Kaum Muda juga dipengaruhi oleh pemikiran dan idea reformisme Muhammad 'Abduh berdasarkan penulisan yang disiarkan dalam majalah *al-Imam* dan *al-Ikhwān*. Kesimpulannya, aktivisme Kaum Muda di Tanah Melayu sangat berkait rapat dengan terma fundamentalis-reformis dan perjuangan mereka dipengaruhi oleh pemikiran reformisme Muhammad 'Abduh.

**Kata kunci dan frasa:** fundamentalis, reformis, Kaum Muda, Muhammad 'Abduh, kebangkitan Islam

## **Pengenalan**

Berdasarkan kajian para sarjana terdahulu, Kaum Muda sinonim dengan gelaran tokoh reformis yang muncul sekitar akhir abad ke-19 sewaktu wujudnya vakum intelektual dalam kalangan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu pada ketika itu dilihat berada dalam keadaan miskin, mundur dari segi ekonomi dan pendidikan, malah dari segi kefahaman agama pula, dilihat sebagai jumud dengan taklid (menerima ucapan tanpa hujah) dan terdapat unsur bidaah (perkara

baharu yang diada-adakan) yang diamalkan dalam masyarakat. Jurang ekonomi antara penduduk tempatan dengan warga asing yang dibawa oleh pihak kolonial British juga adalah ketara. Gerakan pembaharuan yang muncul di Tanah Melayu sebenarnya telah awal wujud di Timur Tengah dan Semenanjung Arab (Arab Saudi pada masa kini). Sebagai contoh pada abad ke-18, munculnya gerakan kebangkitan Islam yang dipelopori oleh gerakan Wahabi di Semenanjung Arab. Kemudian, pada abad ke-19 pula, muncul gerakan reformisme di Mesir yang dipelopori oleh Muhammad 'Abduh, Rasyid Ridha dan Jamaludin al-Afghani. Oleh itu, dengan menggunakan konsep fundamentalisme sebagai landasan analisis, kajian ini berhujah bahawa terdapat perkaitan langsung antara identiti Kaum Muda di Tanah Melayu dengan aliran fundamentalis-reformisme Islam. Seterusnya, kajian ini turut meneroka persoalan sejauh mana gerakan Kaum Muda dipengaruhi oleh pemikiran Muhammad 'Abduh dalam usaha mereka membawa islah dan tajdid di Tanah Melayu.

Kewujudan ciri-ciri dan elemen fundamentalis-reformis terhadap tokoh Kaum Muda berdasarkan idea islah dan tajdid yang disebar luas di negeri-negeri Tanah Melayu akan menjadi perbincangan utama dalam kajian ini. Pengkaji melihat perjuangan tokoh Kaum Muda mempunyai hubungan rangkaian pemikiran dengan Muhammad 'Abduh yang merupakan tokoh intelektual reformis di Mesir. Walaupun demikian, kajian ini membatasi skop dan tempoh masa kajian iaitu sekitar tahun 1900 sehingga tahun 1930 sahaja yakni sepanjang tempoh Kaum Muda bergiat aktif dalam aktiviti kesedaran sebelum gerakan ini akhirnya tenggelam dengan kemunculan tokoh nasionalisme yang menuntut kemerdekaan.

### **Metodologi**

Dalam usaha mengukuhkan analisis dan dapatan penyelidikan, pendekatan kualitatif seperti tinjauan kepustakaan dan penyelidikan arkib yang merangkumi sumber primer dan sekunder bercetak dan dalam talian seperti akhbar, majalah, buku, tesis dan makalah jurnal telah diaplikasikan dalam kajian ini. Buku-buku dan tesis yang dikumpulkan ini kebanyakannya diperoleh dari Perpustakaan Tun Sri Lanang dan Arkib Institut Alam dan Tamadun Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia manakala makalah ilmiah pula kebanyakannya dimuat turun dari sumber internet. Kajian ini dianalisis secara deskriptif dengan melihat dari sudut historiografi aktivisme dan pemikiran Kaum Muda di Tanah Melayu sekitar tahun 1900 sehingga 1930.

## Konsep Fundamentalisme

Istilah fundamentalisme ini bermula dengan kemunculan gerakan keagamaan dalam kalangan penganut Protestan di Amerika Syarikat sekitar tahun 1920-an (Afrohah 2018, 178). Fundamentalisme digunakan untuk membezakan kelompok keagamaan tertentu daripada penganut Kristian liberal yang dianggap telah merosakkan keimanan agama Kristian malah golongan ini juga berhasrat untuk menegakkan kembali dasar-dasar tradisi Kristian secara rigid dan absolut (Munir 2018, 151). Berdasarkan sejarah kemunculan istilah fundamentalisme ini, boleh dikatakan bahawa fundamentalisme merupakan satu fahaman dalam pemikiran agama Kristian yang cenderung untuk mentafsir teks-teks keagamaan secara kaku (rigid) dan literal (harfiah) (Munir 2018, 151; Afrohah 2018, 178). Malah, istilah ini berbeza daripada tafsiran golongan modernis-liberal yang cenderung bersifat fleksibel dalam mentafsir teks keagamaan untuk disesuaikan dalam konteks ruang dan waktu (Afrohah 2018, 178). Namun begitu, menurut sarjana Islam, istilah fundamentalisme memberikan konotasi negatif sekiranya dikaitkan dengan Islam disebabkan istilah tersebut berasal daripada agama Kristian. Kelompok sarjana Islam terutamanya dari Timur Tengah juga lebih selesa untuk menggunakan istilah *al-usluhiyyah al-Islamiyah* (asas-asas Islam), *al-ba'th al-Islami* (kebangkitan Islam) dan *al-harakah al-Islamiyah* (gerakan Islam) berbanding fundamentalisme (Afrohah 2018, 180). Istilah *al-usluhiyyah* dalam perspektif Islam boleh difahami sebagai sesuatu perkara yang mempunyai konotasi positif iaitu sikap kritis yang mewujudkan proses ijtihad sebagai salah satu penyelesaian untuk menjawab persoalan kemanusiaan yang muncul kesan daripada kemodenan Barat (Munir 2018, 156).

Munir al-Ba'albaki (1974, 373) menjelaskan istilah fundamentalisme dalam Bahasa Arab sinonim dengan istilah *al-usluhiyyah* yang berasal dari kata *al-ushul* (bentuk jamak bagi *al-ashl*) yang membawa maksud “dasar” atau “pokok”. Oleh itu, *al-usluhiyyah* membawa maksud “pengertian kepada pokok-pokok atau dasar ajaran agama”. Hanafi (1952–1982, 6) pula menjelaskan bahawa perkataan *al-usluhiyyah* sebenarnya sudah dikenal pasti lebih lama sebelum wujudnya istilah fundamentalisme seperti penggunaan istilah *ushul fiqh* dan *ushul al-din*. Menurut beliau lagi, kata *ashl* (kata tunggal bagi *ushul*) memberi makna “dasar tempat didirikannya sesuatu” iaitu “dasar akal” bagi ulama *ushul al-din* dan “dasar (maslahat)” bagi ulama *ushul al-fiqh*. Ismail (1996, 5) pula mengatakan menurut tradisi Syiah, istilah *al-usluhiyyah* mengandungi makna pembaharuan melalui jalan ijtihad (Fauzan 2010, 51).

Antara sarjana Islam Timur Tengah yang bersikap tegas dan kritikal terhadap istilah fundamentalisme ialah Sheikh Yusuf al-Qaradawi. Beliau menyatakan keselesaan menggunakan istilah kebangkitan Islam kerana beliau berkeyakinan bahawa isi kandungan lebih penting berbanding nama dan sesebuah tajuk. Sarjana yang senada dengan al-Qaradawi iaitu Muhammad Imarah pula mengatakan umat Islam perlu membebaskan diri daripada menggunakan terma-terma yang menyeleweng agar dapat menyelamatkan pemikiran Islam daripada potensi ancaman dan kekeliruan yang berupaya ditimbulkan (Munir 2018, 155). Beliau menolak kaitan antara fundamentalisme dengan Islam disebabkan istilah ini mengandungi semangat etnosentrik yang keterlaluan dan istilah ini berbeza dengan istilah berkenaan dalam sudut pandang Islam (Munir 2018, 155). Sementara itu, sarjana dari Asia Tenggara iaitu Muhammad Natsir pula menyarankan terma-terma yang berakar umbi dari Eropah perlu dilihat semula penggunaannya dan disesuaikan secara relevan apabila melibatkan Islam (Kamarudin 2012, 25).

Selain itu, kelompok moden juga memandang negatif terhadap perkaitan konsep fundamentalisme dengan Islam. Sebagai contoh, Fazlur Rahman (1979) melihat fundamentalisme secara skeptikal dan menganggap golongan ini sebagai orang-orang yang dangkal dan superfisial, anti intelektual dan pemikirannya tidak bersumber pada al-Quran dan budaya intelektual tradisional Islam. Dalam Islam, istilah fundamentalisme dipandang sinis kerana menurut al-Shawi (1993, 9–10), perkembangan istilah tersebut sering dikaitkan dengan gerakan yang berbau ekstremis, fanatik dan teroris dalam memperoleh keyakinan keagamaan sehingga ke hari ini (Fauzan 2010, 48). Namun, Hanafi (1952–1982, 6–8) menegaskan bahawa fundamentalisme Islam tidak semestinya bersifat konservatisme, mundur dan menolak peradaban moden. Sebaliknya, ada antara tokoh bidang ini yang bersifat pencerah dan berfikiran maju; menggunakan kaedah-kaedah kebangkitan moden dan menyeru kaum muslim untuk mengembangkan ilmu, teknologi, sistem demokrasi dan kebebasan (Fauzan 2010, 52).

Fundamentalisme Islam juga tidak semestinya bermaksud fanatik mahupun tertutup, kerana terdapat tokoh-tokoh ilmu ini yang terkait dengan ciri-ciri fundamentalisme tersebut berfikiran liberal, realistik, berpandangan luas, memperhatikan sejarah umat, menerima cabaran zaman dan terbuka terhadap cabaran moden. Banyak juga antara mereka yang menulis tentang toleransi dan kerjasama serta menyeru kepada persaudaraan (Fauzan 2010, 52). Sungguhpun begitu, seandainya difahami dari sudut pandang Islam, fundamentalisme ini terkait dengan ajaran-ajaran asas Islam bahawa al-Quran adalah kitab suci dan bebas daripada kekeliruan (Afroha 2018, 181). Malah, Imarah (2017) turut mengatakan bahawa *al-usluhiyyah*, menurut tradisi Islam, merupakan simbol keteguhan dalam memegang prinsip-prinsip

keagamaan yang sepenuhnya berdasarkan taakulan rasional-normatif (ijtihad). Oleh itu, penggunaan istilah fundamentalisme masih lagi boleh diterima secara fleksibel (Munir 2018, 157).

### **Gerakan Fundamentalisme dalam Islam**

Kemunculan gerakan fundamentalisme secara dasarnya boleh dilihat menerusi semangat konservatisme sepanjang sejarah awal ketamadunan Islam. Masyarakat muslim konservatif pada umumnya mengimbau kebelakang zaman keemasan Islam iaitu zaman pemerintahan Nabi Muhammad SAW (570M sehingga 632M) dan juga zaman empat khulafa ar-rasyidin (pemerintahan empat orang sahabat Nabi Muhammad SAW). Ketika ini, masyarakat di bawah wilayah Nabi Muhammad dan khulafa ar-rasyidin diperintah menurut hukum Islam dengan tiada pemisahan antara agama dengan negara. Malah, Nabi Muhammad juga merupakan seorang rasul dan pemimpin politik masyarakat manakala al-Quran pula merupakan kitab suci yang diwahyukan kepada bangsa Arab pada awal abad ke-7 dengan menegaskan bahawa tugas utama seorang muslim ialah menciptakan masyarakat egalitarian yang adil dan saksama (Izad 2018, 4).

Sungguhpun begitu, masyarakat yang disebut sebagai konservatif itu tidak selalunya bersifat statik. Dalam sejarah Islam misalnya, terdapat gerakan islah (reformasi) dan tajdid (pembaharuan) yang bersifat revolusi. Gerakan reformasi juga sinonim dengan Ibn Taimiyah yang menolak penutupan ruang dan pintu ijtihad. Gerakan-gerakan reformasi biasanya terjadi semasa tempoh perubahan budaya atau setelah sebuah bencana politik besar melanda. Ibn Taimiyah juga berhasrat untuk memperbaharui syariah bagi memenuhi keperluan sebenar umat Islam secara drastik. Namun demikian, pendekatan Ibn Taimiyah masih lagi bersifat konservatif kerana beliau menyatakan bahawa jika mahu mengatasi sesebuah krisis, orang Islam perlu kembali semula kepada al-Quran dan sunah Nabi (Izad 2018, 5).

Pada zaman moden, semangat konservatif ini menemui bentuk baharu yang disebut sebagai fundamentalisme (Izad 2018, 5). Antara faktor kemunculan golongan fundamentalisme Islam pada zaman moden adalah disebabkan wilayah majoriti penduduk muslim dilihat berada dalam keadaan mundur. Oleh itu, solusi utama masalah kemunduran umat Islam adalah dengan kembali kepada ajaran Islam sebenar. Kaedah utama yang digunakan adalah dengan mengimplementasikan syariat agama Islam dalam kehidupan peribadi dan sosial agar kejayaan dan kemurnian Islam dapat dicapai (Fauzan 2010, 53–54).

Terdapat dua kategori dalam memahami fundamentalisme Islam yaitu fundamentalisme tradisional/klasik dan fundamentalisme moden/kontemporari. Menurut Jainuri (2004, 73–74), fundamentalisme perlu difahami mengikut tempoh masa dan boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu fundamentalisme tradisional dan fundamentalisme moden. Fundamentalisme tradisional memfokuskan kepada kepentingan Islam perlu dirujuk kepada sumber asal iaitu al-Quran dan hadis. Pandangan ini muncul sebagai protes kepada aliran ulama tradisional berkuasa yang dilihat cenderung mengakomodasikan tradisi tempatan yang bukan Islam, amalan tarekat yang menyimpang daripada ajaran Islam sebenar dan keperluan untuk menghapuskan taklid buta. Pendekatan fundamentalisme tradisional ini boleh dilihat dalam gerakan kebangkitan Islam klasik dan pertengahan yang dipelopori oleh Ahmad bin Hanbal, Ahmad Sirhindi dan Muhammad Abdul Wahhab (Afrohah 2018, 181).

Senada dengan Jainuri, dalam makalah tulisan Fauzan (2010, 53), beliau mengatakan bahawa fundamentalisme Islam perlu dilihat bermula dari era Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad ‘Abduh yang popular dengan gerakan islah dan tajdid serta para penerus usaha mereka. Ketika ini, dunia Islam berada dalam keadaan mundur dan kemunduran tersebut disebabkan oleh kegagalan ulama dan institusi yang berkaitan dalam menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka. Sungguhpun begitu, kemunduran Islam ketika itu tidak wajar disalahkan kepada ulama sahaja sedangkan faktor luaran seperti penjajahan, serangan budaya, politik dan ekonomi oleh Barat perlu diambil kira.

Oleh itu, menurut golongan fundamentalis, jalan penyelesaian terhadap kemunduran umat Islam ialah dengan kembali kepada Islam. Umat Islam perlu mengimplementasikan syariat agama dalam kehidupan peribadi dan sosial kerana hanya dengan solusi ini sahajalah, kejayaan dan kemurnian Islam dapat dikembalikan. Solusi ini juga selaras dengan cita-cita “kembali kepada al-Quran dan sunah” yang diakui kebenarannya oleh umat Islam. Selain itu, menurut Abu Zaid (1996), pandangan seperti inilah yang membawa fundamentalisme kepada kemapanan suatu doktrin agama (*doctrinal establishment*) dan andaian utamanya ialah agama berasal dari realiti yang mutlak (*absolute reality*) iaitu Tuhan. Asas kepada andaian ini menjadikan kefahaman terhadap ajaran Tuhan dilakukan dengan penekanan terhadap tekstual yang berkait dengan kemapanan absolutisme agama. Oleh itu, tidak hairanlah golongan fundamentalis ini terbelenggu dengan autoriti teks (Fauzan 2010, 54).

Perkaitan antara fundamentalisme dengan tokoh seperti Jamaluddin al-Afghani juga disebut oleh Fazlur (1979) malah beliau mengaitkan fundamentalisme ini dengan tokoh yang awal lagi iaitu Muhammad ibn Abd al-Wahhab. Menurut

beliau, fundamentalisme Islam mendapat inspirasi daripada fahaman pembaharuan pra-modern terutamanya yang dikembangkan oleh tokoh gerakan Wahabi ini. Tambahan pula, menurut Fazlur (1979), gerakan Wahabi pada umumnya memang cenderung bersikap anti intelektual dan mengembangkan corak fahaman keagamaan yang cenderung ke arah tekstual. Tokoh lain yang berpendapat bahawa fundamentalisme Islam selari dengan fahaman dan gerakan yang timbul dalam dunia Islam abad ke-19 ialah Harun Nasution (1994, 122–123). Fahaman ini menurut beliau, pada dasarnya berprinsip kembali kepada al-Quran dan sunah nabi (Fauzan 2010, 54–55). Prinsip kembali kepada al-Quran dan sunah nabi juga merupakan ciri-ciri penting dalam fundamentalisme Islam disebabkan golongan fundamentalis Islam belum bersedia untuk melakukan pentafsiran secara rasional dan intelektual (Fuad 2007, 19).

Terdapat juga perbahasan yang mengaitkan fundamentalisme Islam dengan gerakan pembaharuan Islam seperti gerakan radikal Muhammad bin Abdul Wahab dan Syah Waliyullah yang bersifat adaptasi. Gerakan pembaharuan Islam ataupun fundamentalisme ini mengalami perkembangan orientasi gerakan iaitu daripada gerakan yang bersifat ideologi (fundamentalisme klasik) dan seterusnya berkembang menjadi gerakan yang berorientasi politik dan sosial budaya (fundamentalisme kontemporari). Gerakan fundamentalisme Islam kontemporari pula muncul sebagai reaksi terhadap akibat-akibat yang ditimbulkan oleh modenisme dan sekularisme dalam kehidupan politik dan keagamaan. Dalam perbahasan yang sama, Basyir (2014, 33) juga menyatakan antara ciri-ciri utama gerakan fundamentalisme ialah pendekatan yang bersandarkan kepada al-Quran dan sunah disebabkan mereka belum bersedia untuk melakukan pentafsiran secara rasional dan intelektual.

Selain itu, dari sudut tokoh orientalis pula, Roy (1994, 12 dan 75) juga turut mengkategorikan fundamentalisme Islam kepada tradisional dan moden. Menurut Roy, fundamentalisme tradisional (ulama) dikaitkan dengan peranan ulama yang kuat atau oligarki pentadbiran (*clerical oligarchy*) dalam membuat pentafsiran terhadap Islam terutamanya golongan Syiah. Hal ini kerana Islam Syiah memberikan autoriti yang sangat besar kepada ulama untuk mentafsirkan doktrin agama dan pentafsiran mereka itu bersifat mutlak. Akibat daripada keadaan ini, kebebasan intelektual untuk mentafsirkan teks-teks agama menjadi sempit dan terbatas (Fuad 2007, 19). Namun begitu, pandangan Roy terhadap ciri-ciri fundamentalisme tradisional ini sedikit berbeza dengan tokoh sarjana yang lain kerana beliau lebih cenderung untuk mengaitkan fundamentalisme tradisional dengan golongan Syiah berbanding tokoh pembaharuan abad ke-18 dan abad ke-19.



Sarjana seperti Fazlur (1979) turut menyebut fundamentalisme Islam sebagai revivalisme Islam berikutan reaksi terhadap kegagalan modenisme Islam kerana pendekatan modenisme dilihat tidak mampu membawa masyarakat dan dunia Islam kepada kehidupan yang lebih baik sesuai dengan ajaran Islam. Oleh itu, fundamentalisme Islam dilihat sebagai solusi dengan kembali kepada sumber-sumber Islam yang murni dan asli serta menolak segala sesuatu yang berasal daripada warisan modenisme Barat (Basyir 2014, 34). Sarjana yang senada dengan Fazlur Rahman yang mengaitkan fundamentalisme Islam klasik dengan gerakan kebangkitan semula agama Islam ialah Hrair Dekmejian, Youssef Chouiri dan John Voll. Hal ini bersandarkan kepada latar belakang kewujudan kemerosotan moral, sosial dan politik umat Islam. Antara contoh gerakan revivalis Islam ialah gerakan Wahabi, gerakan Syah Wali Allah dan gerakan Sannusiyah di Libya. Matlamat utama gerakan ini adalah untuk mengembalikan kemurnian Islam, menyucikan Islam dari tradisi tempatan dan pengaruh asing, dengan keyakinan tentang kewujudan pemimpin adil dari seorang pembaharu (Basyir 2014, 39).

Ciri kedua fundamentalisme moden pula menurut Jainuri (2004, 73–74), menggambarkan usaha mereka untuk menjawab cabaran kemodenan. Gerakan ini berusaha untuk menjadi sebuah alternatif kepada Islam bagi menghadapi ideologi sekular moden seperti liberalisme, Marxisme dan nasionalisme. Antara tokoh fundamentalisme moden yang menonjol dan mempunyai latar belakang sosial-keagamaan ialah Hasan al-Banna, al-Mawdudi, Nabhani, Turabi dan Imam Khomeini. Pelabelan tokoh-tokoh ini yang dikaitkan dengan fundamentalisme moden mendapat reaksi berbeza dalam kalangan sarjana kerana ada yang berpendapat bahawa mereka ini Islamis; ada juga pendapat yang melabel mereka sebagai radikal Islam. Namun demikian, Jainuri membuat kesimpulan kemas bahawa mereka ini mempunyai ciri-ciri fundamentalisme moden (Afroah 2018, 182).

Menurut Roy (1994, 75) pula, fundamentalisme moden mempunyai ciri orientasi yang kuat terhadap politik dengan menjadikan Islam sebagai ideologi. Islam juga tidak difahami sebagai agama yang didoktrinkan dengan ritual sahaja, tetapi ditafsirkan sebagai ideologi yang berdepan dengan cabaran moden seperti kapitalisme, liberalisme atau sosialisme. Malah, fundamentalisme Islam moden tidak dipimpin oleh ulama (kecuali Iran) tetapi oleh “intelektual sekular” yang secara terbuka merujuk diri mereka sebagai pemikir agama. Mereka juga berpendapat bahawa semua pengetahuan itu bersifat ilahi dan agama, makanya ahli kimia, juruteknik, jurutera, ahli ekonomi, peguam juga dianggap sebagai ulama (Fuad 2007, 20).

Selain itu, Jainuri (2004) melihat fundamentalisme Islam moden sebagai fenomena kebangkitan gerakan Islam yang memiliki ciri-ciri radikal. Ciri-ciri ini diutarakan bersandarkan dua sebab iaitu pertama, istilah ini merupakan fenomena bersifat ideologi yang pendekatannya perlu dilakukan berdasarkan makna ideologi dan kurang peduli dengan kesan dari sudut sosial. Kedua, istilah tersebut tidak ditujukan kepada doktrin, kelompok ataupun gerakan tunggal tetapi bersandarkan kepada beberapa ciri-ciri tertentu daripada kelompok, doktrin dan gerakan. Oleh itu, istilah radikalisme Islam didefinisikan daripada orientasi kelompok ekstrim melalui fenomena kebangkitan Islam moden (*revival* [pemulihan], *resurgence* [kebangkitan] atau *reassertion* [pengukuhan]) (Basyir 2014, 37–38).

Berdasarkan idea “Islam perlu kembali kepada al-Quran dan sunah nabi”, kelompok fundamentalis kontemporari melihat berdirinya sebuah pemerintahan Islam sebagai satu keperluan. Mereka mengambil contoh sistem khalifah seperti pada zaman para sahabat. Antara gerakan yang mempunyai ciri-ciri fundamentalis kontemporari ialah tokoh Ikhwanul Muslimin iaitu Sayyid Qutub dan Abu al-A’la al-Maududi dari Jamaat Islamiyah Pakistan. Secara umumnya, mereka membezakan masyarakat Islam sebagai Islami dan jahiliah. Masyarakat Islami ialah mereka yang mengamalkan ajaran Islam dengan berlandaskan al-Quran dan sunah manakala masyarakat jahiliah pula mempunyai sifat taghut (mengamalkan kepercayaan yang menyimpang dari Islam) (Fauzan 2010, 55). Fundamentalisme kontemporari dalam konteks Islam menurut Hendropriyono (2009, 165) difahami sebagai suatu usaha kebangkitan secara radikal untuk menegakkan undang-undang Islam tanpa mengira lokasi sama ada di kawasan majoriti muslim atau sebaliknya. Bagi golongan fundamentalis Islam, demokrasi merupakan sistem pemerintahan yang kurang ideal kerana sistem ini bertunjangkan sistem sekular. Oleh itu, kelompok fundamentalis Islam melihat sistem pemilihan pemimpin secara “musyawarah” lebih menjamin kestabilan dan keadilan (Izad 2018, 6).

Selain itu, terdapat beberapa ciri-ciri umum gerakan fundamentalisme Islam iaitu: (1) wujudnya sikap dan keprihatinan yang mendalam terhadap kemerosotan sosial-moral umat Islam, (2) menggesa umat Islam agar kembali memahami dan mengamalkan agama menurut sumber yang autoritatif iaitu al-Quran dan sunah dan berusaha menghapuskan amalan-amalan tahayul, bidaah dan khurafat dalam konteks adat dan tradisi keagamaan, (3) menggesa umat Islam agar membuang jauh-jauh teologi fatalisme (*jabariyah*) demi mencapai kemajuan dan (4) menggesa umat Islam melakukan pembaharuan melalui jihad (Izad 2018, 6–7).

Ciri-ciri fundamentalisme Islam menurut Fazlur (1979, 23) pula ialah: (1) menyuarakan keperihatinan dan kesedaran terhadap kemunduran dan kebejatan sosial masyarakat muslim, (2) menggesa masyarakat muslim untuk kembali kepada Islam yang sebenar dengan menghapuskan unsur-unsur khurafat dan tahayul, (3) menolak salah faham tentang takdir dan (4) menegaskan keperluan usaha pembaharuan yang dipelopori kaum fundamentalis meskipun terpaksa melalui jalan jihad (Fahrurrozi 2012, 335). Selain itu, fundamentalisme Islam juga boleh dilihat melalui tradisi kepimpinan (*leadership*) dalam gerakan kebangkitan semula Islam (revivalis Islam).

Ciri-ciri kepimpinan dalam fundamentalisme Islam ini ialah *mahdith* (terpimpin), *marja'ith* (sumber ikutan), *mujaddid* (pembaharu) dan *kolegial* (kebersamaan). Pengkelasan yang dibuat ini membantu umat Islam untuk memahami gerakan yang dibawa dan asal usul kemunculannya (Afrohah 2018, 183–184). Secara holistiknya, dalam memahami perbincangan berkenaan kemunculan gerakan fundamentalisme Islam ini, dapat difahami bahawa gerakan ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu fundamentalisme tradisional dan fundamentalisme kontemporari. Gerakan fundamentalisme tradisional ini sinonim dengan gerakan Wahabi yang boleh juga dikenali sebagai gerakan revivalisme pada abad ke-18 dengan slogan “Kembali semula kepada Islam sebenar berlandaskan al-Quran dan sunah”. Setelah itu, fundamentalisme Islam berkembang kepada fundamentalisme moden dengan ciri orientasi yang utuh terhadap ideologi politik Islam. Pada zaman moden ini, terdapat juga sarjana yang menganggap fundamentalisme Islam moden ini sebagai gerakan radikal.

### **Geneologi gerakan kebangkitan Islam (revivalisme abad ke-18)**

Sekiranya gerakan pembaharuan Islam dilihat dari segi sejarah, gerakan ini bermula dengan usaha memelihara keaslian hadis yang ditunjangi oleh Imam Hanbali dalam usaha melawan golongan muktazilah. Seterusnya setelah beratus tahun kemudian, muncul pula gerakan Ibn Taimiyah sebagai reaksi terhadap tertutupnya pintu ijtihad (Afrohah 2018, 184). Dalam buku oleh Nashir (2013, 138), beliau menulis Ibn Taimiyah sebagai tokoh pembaharuan Islam di dunia muslim yang memiliki asas pemikiran berisi penegasan terhadap kembali kepada syariat dan pembebasan nilai-nilai agama. Hal ini kerana semasa era kekuasaan Mongol di Baghdad, nilai-nilai agama dan cita-cita syariat berada dalam keadaan bahaya dan menyimpang atau tersasar jauh dari jalan yang benar seperti kefahaman generasi awal umat Islam. Oleh itu, Ibn Taimiyah tampil melakukan pembaharuan dengan menghapuskan taklid dan menekankan kepentingan syariat Islam dalam kehidupan kaum muslim.

Berdasarkan latar belakang pembaharuan ini, maka muncullah gerakan-gerakan revivalis dengan tujuan mengembalikan Islam kepada keadaan asli dan murni. Kemunculan revivalisme (gerakan kebangkitan Islam) ini menimbulkan kesan yang kuat di Sumatera dan Sub-Kepulauan India sehingga ke Timur Tengah dan Nigeria Utara. Antara gerakan revivalis yang menonjol pada abad ke-18 ialah gerakan Wahabi yang dipelopori oleh Muhammad Ibn Wahhab (1730–1792) (Afroah 2018, 184). Selain daripada munculnya tokoh reformis seperti Muhammad Ibn Abd al-Wahhab di Semenanjung Arab, terdapat juga tokoh lain iaitu Syah Waliyullah ad-Dahlawi (1703–1762) di India dan Muhammad Ibn Ali as-Sanusi (1791–1859) di Afrika Utara. Gerakan revivalisme abad ke-18 ini juga memusatkan gerakan mereka dengan memurnikan tauhid, menentang dominasi mazhab dan membanteras hal-hal yang dianggap bidaah (Mahsun 2013, 115–116).

Antara ciri-ciri persamaan gerakan revivalis ialah: (1) mereka mencari tauhid dan kembali kepada Islam yang asal dengan menekankan tuhan yang satu, (2) mempromosikan ijtihad (pelaksanaan penghakiman individu oleh ulama muktabar berkaitan hukum) serta menjauhi prinsip taklid (ketaatan buta), (3) menekankan keperluan untuk berhijrah atau migrasi dari wilayah *kuffar* (kafir) ke wilayah Islam, (4) hijrah merupakan langkah ke arah peperangan atas nama jihad dan (5) berkongsi kepercayaan dalam mengangkat seorang pemimpin sama ada sebagai *renewer* (pembaharu), *mujaddid* (pembaharu) atau Imam Mahdi (Choueiri 1997; Zubaida 2001; Storm 2015, 107).

Seterusnya, setelah gerakan revivalis ditenggelamkan secara beransur-ansur sama ada melalui kuasa politik bandar atau angkatan tentera penjajah Eropah, muncul pula satu gerakan baharu yang bersifat fundamentalisme Islam. Gerakan ini terhasil sebagai gerakan baru atau diambil daripada semangat revivalis yang mengalami perubahan struktur secara mendalam dan kemudian ditransformasikan menjadi gerakan islah dan tajdid (reformisme) (Storm 2015, 107–108). Antara tokoh gerakan islah dan tajdid pada abad ke-19 ialah Muhammad ‘Abduh (1849–1905). Dalam bahagian seterusnya, makalah ini akan memberi fokus secara khusus kepada salah seorang tokoh islah dan tajdid terkemuka, Muhammad ‘Abduh, yang dilihat membawa pengaruh besar terhadap aktivisme dan pendekatan Kaum Muda di Tanah Melayu.

### **Gerakan islah dan tajdid (reformisme) oleh Muhammad ‘Abduh pada abad ke-19**

Islah boleh didefinisikan sebagai “proses pembaikan dan pemulihan terhadap sesuatu yang telah fas’ad, peningkatan mutu yang telah mundur, mendamaikan kedua belah pihak serta menyusun dan mengurus dengan baik agar sesuatu yang

direncanakan tidak terseleweng atau menyimpang dari landasan syariat yang sebenarnya” (Hamidah 2013, 39). Tajdid pula menurut Sheikh Yusuf al-Qaradawi memberi makna “pembaharuan” atau “modernisasi”, yakni upaya mengembalikan kefahaman agama kepada keadaan asal semula seperti pada zaman nabi. Bukanlah bermaksud hukum agama perlu sama seperti yang terjadi pada waktu itu namun hukum agama yang terhasil pada masa sekarang perlulah seiring dengan maksud syariah dan bersih daripada sebarang unsur bidaah, khurafat dan pemikiran asing (Mahsun 2013, 4–5). Perkataan lain yang sinonim dengan islah dan tajdid ialah reformisme dan kadang kala, terdapat sarjana yang menyatakan Muhammad ‘Abduh sebagai tokoh moden. Walaupun begitu, penulis menggunakan istilah islah dan tajdid yang mewakili Muhammad ‘Abduh dalam bahagian ini agar kelihatan selaras.

Sebelum itu, perlu diterangkan terlebih dahulu latar belakang Mesir dari abad ke-18 ke abad ke-19 sehingga munculnya gerakan islah ini. Mesir ketika itu berada di bawah Empayar Uthmaniyah dan diperintah oleh beberapa faksi ketenteraan Mamluk setempat. Mesir juga memiliki badan-badan ulama dan tarekat sufi yang besar pengaruhnya ketika itu. Kelemahan Empayar Uthmaniyah untuk mengawal pentadbiran mengakibatkan persaingan antara beberapa faksi Mamluk, sistem pengairan terbengkalai dan meningkatkan politik kesukuan. Situasi yang berlaku ini akhirnya membuka kesempatan kepada serangan Napoleon pada tahun 1798 dan membuka kesempatan bagi campur tangan pihak Inggeris. Menurut Harun Nasution (1987) pula, peralatan senjata moden yang dibawa oleh Napoleon dan angkatan tenteranya menyebabkan Mesir jatuh ke tangan Perancis dalam tempoh kurang sebulan.

Penjajahan Perancis yang diketuai oleh Napoleon memberi impak yang besar kepada Mesir terutamanya unsur-unsur peradaban moden Barat yang akhirnya menimbulkan kesedaran dalam diri para ulama Mesir ketika itu bahawa umat Islam sebenarnya sudah jauh ketinggalan berbanding orang Eropah (Nasution 1987, 9). Sungguhpun begitu, kependudukan Perancis terhadap Mesir berakhir dengan adanya penentangan yang dipelopori oleh Muhammad Ali (1765–1849) dan secara rasminya, Perancis keluar dari Mesir pada 1 Ogos 1801. Kemenangan ini menjadikan Muhammad Ali pemimpin baru di Mesir pada tahun 1805 (Sambas 2009, 39).

Penjajahan Perancis ke atas Mesir ini sebenarnya telah memberi impak yang positif dari sudut kesedaran umat Islam Mesir bahawa secara hakikatnya, mereka berada dalam situasi mundur, lemah dan ketinggalan terutamanya dalam aspek kehidupan. Seterusnya, kesedaran itu semakin meningkat setelah umat Islam Mesir juga sedar yang mereka turut ketinggalan dari sudut sains moden, teknologi dan ekonomi.

Oleh itu, situasi ini menjadi pencetus kepada Muhammad Ali untuk membuat perubahan di Mesir. Antara langkah drastik yang diambil Muhammad Ali ialah perubahan dari sudut pendidikan dengan menghantar orang Mesir untuk belajar di Eropah terutamanya di Perancis dan sekolah moden juga didirikan. Kemudiannya dari sudut politik, Muhammad Ali membuat rombakan dengan menghancurkan seluruh kekuatan politik yang berasal dari keluarga Mamluk dan kekuasaan ulama juga secara perlahan-lahan dilumpuhkan (Sambas 2009, 39).

Strategi yang dilakukan Muhammad Ali dalam proses pembaharuan ini telah melahirkan dua sistem pendidikan yang berbeza iaitu pertama, pendidikan yang hanya mengajar keagamaan dan menolak kewujudan perubahan dan sains moden, dan kedua, sistem pendidikan sains yang menerima sepenuhnya pengaruh dan idea Barat yang sekular. Akibat daripada perbezaan sistem pendidikan ini, akhirnya lahirlah sebuah masyarakat yang mempunyai pemikiran berbeza iaitu kelompok pemikiran tradisional dan juga kelompok yang berfikir moden memandang ke barat (Sambas 2009, 41). Dengan latar belakang sebegini dalam masyarakat Islam Mesir, maka muncullah Muhammad ‘Abduh (1849–1905) untuk membawa idea perubahan baru yang bersifat islah dan tajdid.

Menurut Riddell (2001), terdapat tiga ciri-ciri utama reformisme yang dibawa oleh Muhammad ‘Abduh iaitu: (1) mempromosikan Islam sebagai agama yang dinamik, (2) menunjukkan Islam sesuai dengan rasional dan sains, dan (3) menunjukkan bahawa Islam boleh beradaptasi dengan peradaban moden. Gibb (1947) pula berpandangan bahawa reformisme Muhammad ‘Abduh terdiri daripada lima komponen utama iaitu pemurnian Islam daripada sebarang pengaruh yang rosak, mereformasikan pendidikan, menginterpretasikan semula doktrin Islam dalam pemikiran moden, mempertahankan Islam daripada pengaruh Eropah dan serangan Kristian, dan mencontohi aspek positif sains dan kemajuan Barat (Hafiz 2020, 45).

Zaharah (2003) pula memfokuskan usaha pengislahan Muhammad ‘Abduh kepada tiga aspek utama iaitu melalui pengislahan pendidikan, pengislahan politik dan pengislahan dari sudut falsafah dan pemikiran. Namun demikian, dalam makalah ini, pengkaji akan memfokuskan usaha pengislahan Muhammad ‘Abduh kepada aspek-aspek pengislahan pendidikan, pengislahan agama dari aspek kefahaman dan pengislahan keluarga dan wanita sahaja. Pendidikan sememangnya merupakan isu paling utama dalam strategi pengislahan Muhammad ‘Abduh. Hal ini kerana beliau hidup dalam suasana terdapatnya dua sistem pendidikan yang bertentangan di Mesir. Sistem pertama ialah pendidikan agama dan sistem kedua pula ialah sekolah moden yang ditubuhkan sama ada oleh kerajaan atau badan swasta. Walaupun begitu, kedua-dua sistem ini seolah-olah terpisah dan mempunyai matlamat yang berbeza. Subjek-subjek moden dari Barat tidak akan

ditawarkan di sekolah agama manakala sekolah moden menawarkan semua subjek dari Barat tanpa adanya elemen agama. Situasi yang tidak memberangsangkan untuk masyarakat Islam Mesir mendorong Muhammad 'Abduh untuk melakukan reformasi pendidikan segera bagi mengurangkan jurang antara dua sistem tersebut (Hafiz 2020, 46).

Sebagai contoh menurut Adams (1933), usaha Muhammad 'Abduh dalam mereformasikan pendidikan Universiti al-Azhar, Mesir, melalui hasrat untuk melakukan perubahan dari sudut pentadbiran dan pengisian kokurikulum dengan memasukkan sains moden dalam sistem pendidikan Universiti al-Azhar. Sungguhpun demikian, menurut Haddad (1995), usaha beliau tidak sepenuhnya berjaya kerana hanya perubahan dari sudut kaedah pentadbiran seperti meningkatkan infrastruktur pembelajaran dan meningkatkan dana sahaja yang diterima. Namun demikian, pengislahan pengisian kokurikulum gagal disebabkan terdapat tentangan daripada golongan ulama konservatif Universiti al-Azhar (Hafiz 2020, 46).

Seterusnya, kejumudan dan taklid dalam lingkungan penuntut ilmu agama telah berleluasa pada abad ke-19 tersebut. Kebekuan yang berlaku itu merupakan suatu keekstriman yang menghalang agama dan pembaikan Islam dalam realiti kehidupan. Maka, situasi ini menjauhkan manhaj pengislahan Islam daripada menjadi jalan bagi ummah untuk bangkit maju dan ke hadapan (Imarah 2017, 27). Oleh itu, dari sudut pengislahan dan kefahaman agama, Muhammad 'Abduh dan pendokong islah yang lain seperti Muhammad 'Abdul Wahhab dan Jamaluddin al-Afghani bersepakat mengatakan bahawa kemasukan unsur-unsur bidaah dengan pelbagai rupa bentuk menjadi punca umat Islam mula alpa akan ajaran Islam yang sebenar dan tersasar jauh daripada dasar-dasar Islam. Bagi mengatasi keadaan ini, umat Islam haruslah memahami agama seperti Rasulullah SAW, para tabiin, ulama besar, ulama salaf dan kembali kepada sumber yang pertama iaitu al-Quran dan hadis untuk mencari keseimbangan dan mengurangkan campur aduk dan kesalahan (Zaharah 2003, 29; Abdul Ghani, 2017).

Oleh itu, bagi mengelakkan kejumudan, Muhammad' Abduh melihat ijtihad itu penting untuk membuka kembali minda umat Islam. Bagi Muhammad 'Abduh, pembukaan pintu ijtihad mampu mengatasi permasalahan taklid kepada ulama tradisional disebabkan keyakinan beliau terhadap pendapat tidak boleh terikat dengan satu pandangan sahaja. Hal ini kerana, para ulama tidak dikurniakan sifat maksum seperti para nabi dan rasul. Oleh itu, ijtihad juga merupakan salah satu sumber penting dalam pandangan hidup (Zaharah 2003, 31). Malah, Syaikh Rasyid Reda ada menyatakan, "Rumusan inti usaha beliau ialah bahawa tajdid dan reformasi mesti merangkumi tajdid dalam konteks agama dan tajdid atau pembaharuan dalam konteks keduniaan dan kehidupan" (Abdul Ghani 2017).

Seterusnya, pengislahan keluarga dan wanita dilihat sangat penting bagi Muhammad 'Abduh kerana keluarga merupakan batu asas pertama daripada binaan yang besar ini. Hal ini bermakna masyarakat yang baik lahir daripada keluarga yang baik. Malah, beliau melihat perpaduan keluarga berperanan penting dalam membantu golongan yang terlantar dalam masyarakat dan golongan fakir daripada kaum keluarga. Selain itu, dari sudut pengislahan wanita pula, pendirian beliau sehingga hari ini merupakan antara pendirian reformis yang paling progresif pernah wujud ketika beliau masih hidup. Sebagai contoh, Muhammad 'Abduh melihat isu pendidikan wanita begitu penting kerana para wanita ketika itu disekat daripada menuntut ilmu yang berkaitan dengan agama sehinggalah yang berkaitan dengan dunia. Muhammad 'Abduh sejak awal-awal lagi telah menggesa supaya para wanita diberi pendidikan, sehingga beliau bercita-cita supaya sebilangan kecil wanita yang terpelajar dan terdidik pada zamannya dapat bangun membentuk persatuan wanita agar dapat mendirikan sekolah-sekolah untuk mengajarkan anak-anak perempuan (Imarah 2017, 97–102).

Gerakan islah dan tajdid yang dibawa oleh Muhammad 'Abduh kepada masyarakat Mesir ternyata mempunyai ciri-ciri fundamentalisme dari sudut kefahaman agama namun dari sudut pemikiran, gerakan ini bersifat reformisme terutamanya dari aspek pendidikan dan isu wanita.

### **Kaum Muda pencetus islah dan tajdid di Tanah Melayu**

Gerakan islah dan tajdid telah tersebar luas ke seluruh dunia Islam sewaktu seorang murid Muhammad 'Abduh iaitu Muhammad Rashid Rida (1865–1935) telah menerbitkan majalah *al-Manar* di Mesir. Majalah ini terbit pada 17 Mac 1898 dan beredar sehingga tahun 1936. Majalah *al-Manar* inilah yang bertanggungjawab menyebarkan idea-idea Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad 'Abduh serta berpengaruh langsung kepada gerakan islah dan tajdid di Asia Tenggara pada awal abad ke-20 (Mahsun 2013, 120).

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada kewujudan jaringan antara Timur Tengah dengan alam Melayu. Antaranya termasuklah perkembangan pesat dalam teknologi percetakan, pembukaan Terusan Suez pada tahun 1869, perkembangan kewangan ekonomi kolonial dan mobilisasi populasi global secara besar-besaran (Hafiz 2007, 125–126). Kewujudan jaringan antara Timur Tengah dan Tanah Melayu inilah yang membolehkan idea islah dan tajdid disebarkan di Tanah Melayu. Gerakan islah dan tajdid di Tanah Melayu dipelopori oleh Kaum Muda yang mendapat pendidikan di Mesir. Antara Kaum Muda yang begitu berpengaruh di Tanah Melayu menjelang akhir abad ke-19 ialah Sheikh Tahir



Jalaluddin (1869–1956) yang mendapat pengaruh kuat daripada Sheikh Ahmad Khatib yang berasal dari Minangkabau (Mahsun 2013, 123).

Sheikh Ahmad Khatib pernah menjadi imam di Masjidil Haram dan mempunyai ramai anak murid yang terkenal, yang antaranya ialah Sheikh Tahir Jalaluddin yang juga merupakan sepupunya. Sheikh Ahmad Khatib memegang teguh Mazhab Shafie namun beliau tidak melarang anak-anak muridnya mempelajari idea-idea pembaharuan daripada Jamaluddin al-Afghani, Muhammad ‘Abduh dan Rashid Rida. Sheikh Tahir Jalaluddin telah mendapat pendidikan formal di Universiti al-Azhar dari tahun 1893 sehingga 1897 dan menjadi sahabat baik kepada Rashid Rida. Ketika Rashid Rida menerbitkan *al-Manar* pada tahun 1898, Sheikh Tahir turut menyumbang penulisan beliau dalam majalah tersebut (Mahsun 2013, 123).

Selain itu, tokoh Kaum Muda lain yang menonjol dalam gerakan islah dan tajdid di Tanah Melayu ialah Syed Sheikh al-Hadi (1864–1934). Syed Sheikh al-Hadi mempunyai semangat reformis disebabkan pengalaman beliau di Riau dalam berhadapan dengan penjajahan Belanda. Walaupun Sheikh al-Hadi tidak mendapat pendidikan formal di Universiti al-Azhar (Roff 1967, 62–63), namun beliau banyak dipengaruhi oleh Raja Haji Ali Kelana dalam bidang agama, bahasa dan keusahawanan, dan hubungan dengan golongan bangsawan istana di Riau. Malah, beliau rajin meluaskan pergaulan dan mengembara ke Timur Tengah sehingga menjadikan beliau seorang yang berpengetahuan luas dan menerima idea reformis Islam daripada tokoh-tokoh hebat Mesir ketika itu (Kamarul Affendey 2018, 139).

Semangat yang membara dalam mengembangkan pemikiran islah dan tajdid di Tanah Melayu mendorong Sheikh Tahir menerbitkan majalah seperti *al-Manar* di Asia Tenggara sekembalinya beliau ke tanah air pada tahun 1899. Maka, pada bulan Julai 1906, sebuah majalah bulanan yang diberikan nama *al-Imam* berjaya diterbitkan di Singapura. *Al-Imam* ini jelas diinspirasikan daripada majalah *al-Manar* di Mesir. *Al-Imam* dibiayai oleh seorang hartawan di Hadhramaut iaitu Sheikh Awad al-Sa’aidan. Selain daripada Sheikh Tahir sebagai pengasas, majalah ini dibantu oleh Sheikh al-Hadi sebagai pengarang utama (Kamarul Affendey 2018, 309). Fokus utama majalah *al-Imam* yang berbahasa Melayu ini adalah untuk mengajak umat Islam membuka pintu ijtihad dan mempelajari ilmu-ilmu moden serta terjemahan artikel-artikel daripada majalah *al-Manar*. Majalah *al-Imam* diterbitkan sebanyak 31 kali dan dihentikan penerbitannya pada tahun 1909 akibat kehabisan dana (Mahsun 2013, 124).

Antara pemikiran islah dan tajdid yang dibawa oleh Kaum Muda di Tanah Melayu ialah berkenaan isu kefahaman agama, kemunduran orang Melayu dan isu pendidikan wanita. Pemikiran islah dan tajdid disampaikan melalui majalah

*al-Imam*. Sebagai contoh dalam isu kefahaman agama, Sheikh Tahir menyiarkan rencana yang bertajuk “Surat Terbuka kepada Segala Ulama” dengan menyeru umat Islam beramal dengan amalan yang disuruh oleh Allah SWT dan rasulnya dalam pekerjaan dunia dan akhirat. Ulama juga digesa untuk menyampaikan ajaran sebenar tanpa ditokok tambah dengan unsur-unsur yang diada-adakan (bidaah) dalam agama yang akhirnya akan dianggap pula sebagai sebahagian daripada ajaran agama oleh masyarakat (Kamarul Affendey 2018, 312–313). Malah, objektif utama *al-Imam* juga mempunyai persamaan dengan objektif *al-Manar* iaitu “*Al-Imam* ialah musuh kepada semua unsur bidaah, amalan tahayul, perbuatan yang meniru-niru dan adat istiadat yang asing yang dimasukkan ke dalam agama” (Kamarul Affendey 2018, 312–313).

Setelah majalah *al-Imam* ditutup disebabkan kekurangan dana, muncul pula sebuah majalah yang dinamakan sebagai *al-Ikhwan*. Majalah yang diasaskan oleh Sheikh al-Hadi pada tahun 1926 dengan tulisan Jawi ini mempunyai idea islah dan tajdid, dan menurut Roff (1980, 165), menunjukkan pengaruh yang kuat daripada *al-Manar* (Mohammad Redzuan dan Abu Hanifah 2013, 12). Seterusnya, dalam isu kemunduran orang Melayu, Sheikh al-Hadi menggesa orang Melayu agar menuntut ilmu dan rajin bekerja seperti yang disiarkan dalam *al-Ikhwan* “Pelajaran. Pelajaran. Pengetahuan. Leburkanlah diri kamu ke dalam kawah pengetahuan dan bantingkan tulang kamu ke atas landasan pekerjaan; kemudian peliharalah olehmu akan anak-anak kamu atas gemarkan keduanya daripada kecilnya” (Kamarul Affendey 2018, 155).

Berkenaan isu pendidikan wanita pula, Sheikh al-Hadi lebih ke hadapan dalam isu kontroversi ini. Beliau telah menulis sebuah novel Melayu yang bertajuk *Hikayat Faridah Anum* yang dipengaruhi oleh novel Mesir berjudul *Zaynab* (Mohammad Redzuan dan Abu Hanifah 2013, 16–17). Hal ini kerana novel Sheikh al-Hadi mempunyai persamaan dari sudut tema dan isu tentang pembebasan wanita malah juga dari aspek konfliknya. Sheikh al-Hadi terlibat dalam isu kontroversi ini disebabkan beliau sedar tentang kepentingan untuk memberi kebebasan yang lebih luas terhadap wanita dalam masyarakat.

Beliau turut menggesa agar golongan wanita diberikan pendidikan dan bebas dari segala halangan adat dan agama seperti yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Sheikh al-Hadi juga percaya bahawa lelaki dan wanita mempunyai kebolehan dan matlamat yang sama dalam kehidupan (Mohammad Redzuan dan Abu Hanifah 2013, 16–17). Tokoh Kaum Muda di Tanah Melayu tidak terkecuali daripada mendapat tempias gerakan islah dan tajdid dari Timur Tengah terutamanya Mesir. Gerakan islah dan tajdid yang dibawa oleh Kaum Muda adalah untuk menyedarkan orang Melayu agar bangkit daripada kemunduran yang membelenggu mereka.

## Analisis

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menjawab dua persoalan tentang “Apakah Kaum Muda di Tanah Melayu boleh diklasifikasikan sebagai fundamentalis-reformis?” dan “Apakah Kaum Muda dipengaruhi oleh islah dan tajdid Muhammad ‘Abduh?” Istilah fundamentalisme telah melalui perdebatan hangat dalam kalangan para sarjana Islam mahupun orientalis disebabkan istilah itu berasal daripada ajaran Kristian. Namun begitu, fundamentalisme juga sinonim dengan *al-usluhiyyah* yang membawa maksud “kembali kepada pokok-pokok atau dasar ajaran agama”. Dalam Islam, sumber utama ialah al-Quran dan sunah. Korelasi antara Kaum Muda dengan istilah fundamentalis-reformis dilihat sebagai usaha unik memandangkan Kaum Muda lebih dikenali sebagai golongan reformis oleh para sarjana tempatan mahupun sarjana luar.

Menurut Jainuri (2004, 73–74), fundamentalisme perlu difahami mengikut tempoh masa dan boleh dikelaskan kepada dua kategori iaitu fundamentalisme tradisional dan fundamentalisme moden. Fundamentalisme tradisional memfokuskan kepada kepentingan Islam untuk dirujuk kepada sumber asal iaitu al-Quran dan Hadis. Pandangan ini muncul sebagai protes kepada aliran ulama tradisional berkuasa yang dilihat cenderung mengakomodasikan tradisi tempatan yang bukan Islam, praktis tarekat (*sufi orders*) yang menyimpang daripada ajaran Islam sebenar dan keperluan untuk menghapuskan taklid buta. Pendekatan fundamentalisme tradisional ini boleh dilihat dalam gerakan kebangkitan Islam klasik dan pertengahan yang dipelopori oleh Ahmad bin Hanbal, Ahmad Sirhindi dan Muhammad bin Abdul Wahhab.

Sekiranya kenyataan Jainuri (2004) dijadikan kayu ukur untuk mengaitkan Kaum Muda sebagai tokoh fundamentalis, perkara ini merupakan satu percubaan yang baik. Hal ini kerana dari sudut kefahaman agama, Kaum Muda dilihat memiliki ciri-ciri fundamentalisme berdasarkan kenyataan dalam majalah *al-Imam*. Antaranya, Sheikh Tahir menyiarkan rencana yang bertajuk “Surat Terbuka kepada Segala Ulama” dengan “menyeru umat Islam beramal dengan amalan yang disuruh oleh Allah dan rasulnya dalam pekerjaan dunia dan akhirat. Ulama juga digesa untuk menyampaikan ajaran sebenar tanpa ditokok tambah dengan unsur-unsur yang diadakan dalam agama yang akhirnya akan dianggap pula oleh masyarakat sebagai sebahagian daripada ajaran agama”. Kenyataan dalam majalah ini mempunyai ciri-ciri fundamentalisme Islam iaitu kembali kepada ajaran Islam sebenar yakni al-Quran dan sunah serta menjauhi unsur bidaah. Oleh yang demikian, dari sudut kefahaman agama, Kaum Muda boleh diklasifikasikan sebagai fundamentalis.

Ciri-ciri fundamentalis jelas ditonjolkan dalam kenyataan yang dibuat dalam majalah *al-Imam*, namun perkaitan antara fundamentalis-reformis dengan Kaum Muda harus dapat ditonjolkan. Jawapan kepada persoalan ini secara tidak langsung akan menjawab persoalan kedua iaitu “Apakah Kaum Muda dipengaruhi islah dan tajdid Muhammad ‘Abduh?” Menurut Armstrong (2013, 85), gerakan reformasi biasanya terjadi dalam tempoh perubahan budaya atau setelah sebuah bencana politik besar melanda. Dalam hal ini, gerakan islah dan tajdid atau reformisme yang dipelopori oleh Muhammad ‘Abduh lewat abad ke-19 muncul akibat daripada penjajahan Barat dan memberi kesedaran bahawa umat Islam berada dalam keadaan mundur dari segala aspek berbanding orang Barat. Sebelum itu pada abad ke-18, satu gerakan kebangkitan Islam dipelopori oleh Muhammad Ibn Abdul Wahhab di Semenanjung Arab juga wujud yang dikenali sebagai revivalisme. Akan tetapi, gerakan islah dan tajdid Muhammad ‘Abduh membawa momentum yang kuat sehingga mampu memberi inspirasi kepada tokoh Kaum Muda yang belajar di Mesir untuk melaksanakan reformisme di Tanah Melayu.

Dari sudut pemikiran, Kaum Muda kuat dipengaruhi oleh tokoh reformis Muhammad ‘Abduh melalui penerbitan majalah *al-Manar* oleh Rashid Rida. Muhammad ‘Abduh terkenal sebagai tokoh reformis/modenis dalam membawa perubahan kepada masyarakat Mesir setelah terkesan dengan penjajahan Perancis. Oleh itu, banyak gerakan-gerakan Islam lain yang menginspirasikan pemikiran Muhammad ‘Abduh termasuklah Kaum Muda di Tanah Melayu. Bahkan, majalah *al-Imam* yang diasaskan oleh Sheikh Tahir juga diinspirasikan daripada *al-Manar* yang banyak membicarakan tentang pemikiran Muhammad ‘Abduh. Kaum Muda merasakan perlunya islah dan tajdid di Tanah Melayu disebabkan keadaan orang Melayu Islam yang dilihat mundur dari segi pendidikan dan ekonomi, serta jumud dari sudut kefahaman agama. Malah, situasi Tanah Melayu yang dijajah oleh British turut membuatkan Kaum Muda bertindak mengisi vakum intelektual dan bersandarkan kepada tokoh reformis di Mesir sebagai legitimasi kepada gerakan islah dan tajdid di Tanah Melayu.

Kaum Muda cenderung dilihat sebagai tokoh reformis berdasarkan penulisan-penulisan yang diterbitkan dalam majalah *al-Imam* dan *al-Ikhwān* dan jelas menunjukkan pengaruh pemikiran tokoh reformis Muhammad ‘Abduh. Terdapat tiga aspek utama pengislahan Muhammad ‘Abduh iaitu melalui pengislahan pendidikan, pengislahan agama dari aspek kefahaman dan pengislahan keluarga dan wanita manakala pemikiran islah dan tajdid yang dibawa oleh Kaum Muda di Tanah Melayu pula adalah tentang isu kefahaman agama, kemunduran orang Melayu dan isu pendidikan wanita. Terdapat beberapa persamaan dari segi isu yang dibawa oleh Kaum Muda dengan pemikiran pembaharuan Muhammad ‘Abduh namun Kaum Muda menyesuaikan isu tersebut dengan masyarakat tempatan

di Tanah Melayu. Namun begitu, pokok pemikiran masih berpaksikan kepada Muhammad 'Abduh memandangkan majalah *al-Imam* sendiri diinspirasi daripada majalah *al-Manar* yang banyak memuatkan pemikiran dan idea Islam Muhammad 'Abduh. Secara kesimpulannya, dalam mengharmonikan terminologi, pendekatan Kaum Muda dalam usaha meluruskan kefahaman agama adalah mirip kepada usaha yang pernah digerakkan oleh pelopor-pelopor fundamentalisme Islam manakala dari segi pemikiran pula, mereka dilihat bersifat reformis. Oleh yang demikian, penulisan ini menyimpulkan terminologi fundamentalis-reformis boleh dihubungkan dengan pendekatan Kaum Muda berdasarkan analisis yang telah dibuat. Dari sudut pengaruh pemikiran Muhammad 'Abduh terhadap sudut pandang dan idealisme Kaum Muda pula, keadaan ini jelas dibuktikan menerusi penerbitan berkala majalah *al-Imam* dan *al-Ikhwān* yang memuatkan pandangan Muhammad 'Abduh dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Islam di Tanah Melayu.

### **Kesimpulan**

Istilah fundamentalisme Islam secara umumnya mempunyai ciri-ciri seperti kembali kepada ajaran al-Quran dan sunah, membuka pintu ijtihad dan menolak unsur bidaah dalam melaksanakan amalan agama. Tokoh-tokoh yang terkait dengan istilah ini ialah Ibn Taimiyah dan Muhammad Abdul al-Wahhab, bahkan juga Muhammad 'Abduh walaupun beliau terkenal dengan pemikiran reformisme kerana dari sudut pemikiran agama, beliau mempunyai ciri-ciri fundamentalis yang menegaskan keperluan kembali kepada sumber asal iaitu al-Quran dan sunah serta menolak unsur bidaah dan taklid. Golongan Kaum Muda yang memiliki ciri-ciri fundamentalis dari sudut kefahaman agama pula wujud di Tanah Melayu dan mereka menentang pembekuan kefahaman agama iaitu taklid serta menggesa penghapusan unsur-unsur bidaah dalam masyarakat Melayu selain menyeru para ulama supaya mengajar agama yang kembali kepada sumber sebenar iaitu al-Quran dan sunah. Seterusnya, peranan Kaum Muda dalam agenda islah dan tajdid di Tanah Melayu berjaya mengisi vakum intelektual dalam kalangan masyarakat Melayu yang ketika itu dilihat mundur dari segi pendidikan dan ekonomi serta jumud dari sudut kefahaman agama. Kemunculan Kaum Muda untuk menyedarkan masyarakat Melayu sebenarnya mendapat inspirasi daripada tokoh reformis di Timur Tengah iaitu Muhammad 'Abduh. Obor pembaharuan pemikiran yang dibawa oleh Muhammad 'Abduh menarik minat Kaum Muda yang menuntut ilmu di Mesir dan jelas menunjukkan impak dan pengaruh kuat yang diberikan oleh tokoh reformis Mesir ini terhadap gerakan dan identiti mereka sebagai fundamentalis-reformis Islam di Tanah Melayu.

## Penghargaan

Para penulis merakamkan penghargaan kepada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas peruntukan geran “Dana Pecutan Penerbitan FSSK 2023” dan University of Durham, UK atas bantuan dana melalui “Institutional Open Access Fund”.

## Rujukan

- Abdul Ghani Shamsuddin. 2017. *Kata pengantar dalam manhaj islah Muhammad ‘Abduh*. Translated by Muhammad Thufail Sayuti and edited by Ahmad Nabil Amir. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front.
- Abu Zaid, Nasr Hamid. 1996. *Mafhum al-Nash*. Beirut: Al-Markaz a-Tsaqafi al-arbi.
- Adams, C.C. 1933. *Islam and modernism in Egypt: A study of the modern reform movement inaugurated by Muhammad ‘Abduh*. New York: Russell and Russell.
- Afrohah. 2018. Fundamentalisme: Korelasi ideologi fundamentalis dengan ideologi gerakan Islam modern. *Al-Tahrir* 18(1): 175–192.
- Al-Ba’albaki, Munir. 1974. *Al-Maurid*. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin.
- Al-Shawi, Shalah. 1993. *Al-Tatharruf al-dini: Al-ra’y al-akhar*. Cairo: Al-Afaq al-Dawliyyah li al-I’lam.
- Armstrong, K. 2013. *Berperang demi tuhan: Fundamentalisme dalam Islam, Kristen dan Yahudi*. Translated by T. Hermaya. Bandung, Indonesia: Mizan.
- Basyir, K. 2014. Menimbang kembali konsep dan gerakan fundamentalisme Islam di Indonesia. *Al-Tahrir* 14(1): 23–45.
- Choueiri, Y. 1997. *Islamic fundamentalism*. London: Pinter.
- Fahrurrozi Dahlan. 2012. Fundamentalisme agama: Antara fenomena dakwah dan kekerasan atas nama agama. *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies* 6(2): 331–346.
- Fauzan. 2010. Fundamentalisme dalam Islam. *Al-Adyan* 1: 47–60.
- Fazlur Rahman. 1979. Islam: Challenges and opportunities. In *Islam and past influence and present challenge*, eds. A.T. Welch dan P. Cachia, 315–330. London: Edinburgh University Press.
- Fuad, A.N. 2007. Interrelasi fundamentalisme dan orientasi ideologi gerakan Islam kontemporer. *Islamica* 2(1): 16–26.
- Gibb, H.A.R. 1947. *Modern trend in Islam*. Chicago: The University of Chicago Press; Reprint, New York: Octagon Books.
- Haddad, Y. 1995. Muhammad ‘Abduh: Pioneer of Islamic reform. In *Pioneers of Islamic revival*, ed. A. Rahnama, 30–63. Kuala Lumpur: S.M. Abdul Majid.
- Hafiz Zakariya. 2020. Muhammad ‘Abduh’s reformism: The modes of its dissemination in Pre-Independent Malaysia. *International Research of Shariah, Muamalat and Islam* 2(4): 43–54.
- \_\_\_\_\_. 2007. From Cairo to the Straits Settlements: Modern salafiyah reformist ideas in Malay Peninsula. *Intellectual Discourse* 15(2): 125–146.
- Hamidah Jalani. 2013. Yusof Rawa dan majalah al-Islah: Kajian terhadap idea-idea pembaharuan. Master of Usuluddin diss., Universiti Malaya.

- Harun Nasution. 1994. *Islam rasional: Gagasan dan pemikiran Prof. Dr. Harun Nasution*. Bandung: Mizan.
- \_\_\_\_\_. 1987. *Muhammad Abduh dan teologi rasional mu'tazilah*. Jakarta: UIP.
- Hanafi, Hassan. 1952–1982. *Al-Din wa al-tsaurah fi mishr*. Vol. 6. Cairo: Madbuli.
- Hendropriyono, A.M. 2009. *Terorisme: Fundamentalisme Kristen, Yahudi dan Islam*. Jakarta: Kompas.
- Imarah, Muhammad. 2017. *Manhaj islah: Imam Muhammad'Abduh*. Translated by Muhammad Thufail Sayuti and edited by Ahmad Nabil Amir. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front.
- Ismail, Mahmud. 1996. *Al-Khitab al-ushuli al-mu'ashir: Al-Aliyat wa'l qasamat*. Cairo: Sina.
- Izad, R. 2018. Akar gerakan teologi politik fundamentalisme Islam abad modern perspektif Karen Armstrong. *Islamika Inside: Jurnal Keislaman dan Humaniora* 4(1): 1–23.
- Jainuri, A. 2004. *Orientasi ideologi gerakan Islam: Konservatisme, fundamentalisme, sekularisme, dan modernisme*. Surabaya: LPAM.
- Kamarudin Salleh. 2012. Transformasi pemikiran pembaharuan dan modenisme di Malaysia: satu penelitian awal. *International Journal of Islamic Thought* 2: 23–37.
- Kamarul Affendey Hamimi. 2018. Kaum Muda penggerak kesedaran kemerdekaan Tanah Melayu 1906–1957. PhD diss., Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Mahsun. 2013. *Fundamentalisme Muhammadiyah*. Surabaya, Indonesia: Perwira Media Nusantara.
- Mohammad Redzuan Othman and Abu Hanifah Haris. 2013. Egyptian influences of Malaya's Muslim Kaum Muda (Young Faction) before World War II. *Al-Shajarah, Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 18(1): 1–33.
- Munir, A.A. 2018. Agama, politik dan fundamentalisme. *Al-Afkar, Journal for Islamic Studies* 1(1): 149–169.
- Nashir, H. 2013. *Islam syariat: Reproduksi salafiyah ideologis di Indonesia*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Riddell, P. 2001. *Islam and the Malay-Indonesian world: Transmission and responses*. Singapore: Horizon Books Pte. Ltd.
- Roff, W.R. 1980. *The origins of Malay nationalism*. Vol. 2. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. 1967. *The origins of Malay nationalism*. Vol. 1. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Roy, O. 1994. *The failure of political Islam*. Translated by C. Volk. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Sambas, S. 2009. Pemikiran dakwah Muhammad Abduh dalam tafsir al-Manar. PhD diss., Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah.
- Storm, L. 2015. Fundamentalisme. In *The biographical encyclopedia of Islamic philosophy*, ed. O. Leaman. London/New Delhi/New York/Sydney: Bloomsbury Academic.
- Zaharah Salleh. 2003. Pengaruh islah Muhammad 'Abduh dalam gerakan Islam di Malaysia: Kajian khusus terhadap Jemaah Islah Malaysia (JIM). MA diss., Universiti Malaya.
- Zubaida, S. 2001. *Islam, the people and the state: Political ideas and movements in the Middle East*. London: I.B. Tauris.